

19 MAR 1999
KENG YAIK-MIFF
MIFF CATAT JUALAN EKSPORT RM1.577 BILION

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Pameran Perabot Antarabangsa Malaysia '99 (MIFF) yang berakhir 6 Mac lepas, berjaya mencatat jualan eksport sebanyak RM1.577 bilion (AS\$415 juta), kata Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, hari ini.

Pembelian itu dibuat oleh 4,986 pelawat asing ke pameran yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, katanya di sidang media mengenai Pameran Cintai Malaysia '99 yang akan diadakan di pusat Konvensyen dan Pameran Mines dari 13 hingga 22 Ogos 1999.

Berikutan sambutan MIFF yang menggalakkan itu, beliau menggesa para penganjur pameran supaya menganjurkan lebih banyak pameran untuk menarik pembeli asing. "Orang asing tidak hanya tengok-tengok, tetapi mereka datang untuk membeli," katanya.

Malaysia, katanya, mempunyai banyak potensi perniagaan dengan berbagai-bagai jenis barangan yang boleh dipromosikan, bukan hanya untuk menarik perniagaan runcit tetapi pasaran eksport yang lebih besar.

Beliau juga meminta penganjur acara supaya mencari ruang pameran yang lebih besar bagi pameran-pameran bertaraf antarabangsa.

Beliau, katanya, telah berbincang dengan Malaysian Airport Berhad (MAB) untuk mencari jalan menswastakan pusat pameran di Terminal Satu Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz di Subang, atau membesarkannya.

Mengenai Pameran Cintai Malaysia '99, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dijangka akan merasmikan acara tahunan yang kedua itu yang akan dianjurkan oleh Dewan Perniagaan dan Industri China Kuala Lumpur dan Selangor (KLSCCCI).

Pengerusi jawatankuasa yang juga Naib Presiden KLSCCCI Mew Jin Seng berkata kira-kira 500 peserta akan menyertai acara sembilan hari itu. Setakat ini, 82 syarikat telah mengesahkan penyertaan mereka.

-- BERNAMA
ZMY JR MA